

Dampak Ciri-Ciri Khusus Televisyen Internet terhadap Pengalaman Pembelajaran Mahasiswa

Dzaa Imma Abdul Latiff*
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Megat Al-Imran Yasin
Universiti Putra Malaysia

Siti Nur Fadzilah Abdullah, Amira Hassan,
Mohd Faisal Md Noor and Nur Faathinah Mohammad Roshdan
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Email Perhubungan: dzaa17@uitm.edu.my

Abstrak

TV Internet dengan ciri hiburan mudah alih telah menjadi satu medium yang menarik dalam mewujudkan kesedaran mengenai berita dan isu semasa kepada orang ramai. Televisyen tradisional yang terhad kerana hanya membolehkan khalayak berada pada satu tempat tertentu telah menyumbang kepada penggunaan TV Internet yang lebih meluas kini. Selain itu, kos teknologi yang mahal seperti nilai wang boleh menyumbang kepada halangan untuk mengintegrasikan dengan pembelajaran yang berimpak tinggi. Pada masa ini, TV Internet di Malaysia lebih memberi tumpuan kepada impak perniagaan dan teknologi. Kurangnya kajian terhadap ciri-ciri khusus TV Internet sebagai faktor yang mempengaruhi pengguna untuk menerima pakai. Ciri-ciri unik (kandungan, kos, kewangan dan teknologi) TV Internet mungkin memainkan tugas penting dalam merumuskan jangkaan pengguna terhadap TV Internet. Oleh itu, kertas kerja ini mengkaji sifat-sifat tertentu TV Internet dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Rangka kerja penyelidikan terdahulu mengenai penggunaan penerimaan teknologi baru seperti internet, telefon pintar, dan IPTV digunakan untuk meneroka pembolehubah eksogen yang mempengaruhi pelajar untuk menerima pakai. 518 responden telah dipilih dalam kalangan pelajar Diploma dan Ijazah menerusi soal selidik dalam talian yang dianalisis melalui Pemodelan Persamaan Struktur (SEM) berasaskan kovarian. Penemuan ini menyokong

idea bahawa ciri-ciri unik TV Internet mendorong pelajar untuk mengunapaknya sebagai salah satu daripada pelbagai medium dalam pembelajaran. Hasil dapatan juga mampu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman yang bertujuan untuk menjadikan TV Internet sebagai sebahagian daripada pendekatan pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesimpulannya, rangka kerja teknologi inovasi merupakan medium teoretikal yang baik bagi memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam mengadaptasi TV Internet untuk program berita dan isu semasa. Kajian ini bermanfaat dan penting bagi penyelidik, pendidik, pengamal media dan orang ramai dalam memastikan teknologi dan pendidikan berjalan sejajar

Kata Kunci: *Ciri-Ciri Khusus, TV Internet, Pengalaman Pembelajaran, Pelajar, Pemodelan Persamaan Struktur (SEM)*